



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Dua Jam Tiga Puluh Minit

MOCK TEST 2 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

BAHASA MELAYU KERTAS 2

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Soalan 1 – Rumusan

[30 Markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca pemaju perumahan tidak berminat membina rumah mampu milik** dan **kesan-kesannya kepada rakyat yang memerlukan rumah mampu milik**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Permasalahan rakyat yang berkaitan dengan isu pemilikan rumah sejak akhir-akhir ini sering diperdebatkan. Masih ramai rakyat tidak mampu memiliki rumah terutamanya di kawasan bandar. Pemaju hartanah berlumba-lumba membina rumah mewah yang harganya *mahal bukan kepalang*. Mereka beranggapan bahawa ramai rakyat Malaysia berkemampuan memiliki rumah mewah, jadi pemaju hartanah tidak berkeinginan membina rumah mampu milik iaitu rumah yang berharga rendah dan mampu dimiliki oleh rakyat berpendapatan rendah. Kebanyakan pemaju industri hartanah merupakan golongan kapitalis yang sentiasa mengutamakan keuntungan. Margin keuntungan yang bakal diperoleh sangat sedikit jika membina rumah mampu milik.

Majoriti rakyat di negara ini terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang perlu diberi perhatian. Pemaju kurang mempunyai nilai tanggungjawab sosial untuk memastikan rakyat daripada kategori tersebut memiliki rumah. Di samping itu, pemaju sering kali terikat dengan spekulasi harga rumah kerana, spekulator industri hartanah kerap mewar-warakan harga rumah pastinya akan meningkat pada masa akan datang. Inilah modus operandi utama yang sering kali digunakan oleh pemaju dalam memastikan harga rumah sentiasa meningkat tinggi. Harga rumah yang tinggi juga adalah kerana peruntukan kos penyediaan prasarana bagi sesuatu kawasan perumahan yang tidak boleh diabaikan walaupun kebanyakan pembeli sering terlepas pandang dengan tanggungjawab pemaju ini.

Kos bahan mentah yang meningkat hampir saban tahun merupakan alasan kepada para pemaju merancang pembinaan rumah yang dapat dijual dengan harga yang terbaik bagi mereka. Selain itu, permintaan rumah yang melebihi penawaran di kawasan bandar menyebabkan para pemaju sentiasa mencari peluang membina rumah yang berharga melebihi RM 500,000 seunit. Nilai tanah yang semakin melambung tinggi menyebabkan pemaju kerap menyelaraskan harga rumah supaya kekal relevan dengan pasaran semasa. Suara rakyat yang mendesak harga rumah diturunkan dipandang sepi. Keadaan ini menggambarkan seolah-olah rakyat Malaysia tidak mempunyai kuasa pendesak agar pemaju perumahan wajar membina rumah mampu milik.

Hakikat sebenarnya, pemaju tidak boleh dipersalahkan atas kemelut pemilikan rumah mampu milik ini. Pemaju perlu menanggung beberapa kos yang tidak terlihat pada pandangan mata kebanyakan pembeli rumah seperti bayaran tugas profesional jurutera dan arkitek serta perlu menjelaskan bayaran tertentu kepada pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan. Kos buruh binaan yang semakin meningkat sering dijadikan alasan oleh pemaju perumahan yang menggambarkan keengganan mereka membina rumah mampu milik. Keengganan mereka inilah yang akhirnya menyebabkan rumah mampu milik ini bertukar menjadi rumah mampu lihat sahaja kepada golongan berpendapatan rendah.

(Dipetik dan diubah suai daripada,
‘Rumah mampu milik: Tanggungjawab siapa?’
oleh Rohami Shafie, *Utusan Malaysia*, 16 Mac 2015)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud *mahal bukan kepalang*. [2 markah]

(ii) Pengarang ada menyatakan beberapa perkara yang terpaksa ditanggung oleh pemaju yang kurang diketahui oleh pembeli dalam isu rumah mampu milik ini.

Nyatakan perkara-perkara itu. [3 markah]

(iii) Rakyat tetap memerlukan rumah untuk meneruskan kehidupan walaupun harga rumah semakin tinggi pada masa ini.

Berdasarkan pengetahuan anda, nyatakan cara-cara yang perlu dilakukan agar rakyat dapat memiliki rumah sendiri.

[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pipinya bergerak-gerak mendengar saranan itu. Ikut pulang ke Malaysia? Tinggalkan usaha Ahmad Abdullah turun-temurun begitu saja? Tidak mungkin. Di bahunya tertanggar amanat warisan.

“Tidakkah kedengaran penakut?”

Adam menggeleng. “Lari daripada satu takdir untuk mendepani takdir yang lain bukanlah sikap pengecut, Hawa.”

“Mempertahankan usaha moyang zaman-berzaman juga memerlukan keberanian dan kekuatan yang bukan sedikit.”

Adam sekali lagi menggeleng. “Apa lagi yang dapat Hawa pertahankan sekiranya taman ini benar-benar meletus, lebur, dan tenggelam. Di tangan Allah, tidak ada sesuatu pun yang mustahil. *Kun fayakun*. Jadi, kata-Nya, maka jadilah.”

Dia menarik nafas panjang. Jari-jarinya bermain dengan hujung selendang benang bulu. Dia resah.

“Lebih baik Hawa berhijrah, mulakan sesuatu yang baru dan lebih mencabar. Hawa akan lebih memahami betapa sukarnya Ahmad Abdullah merebut ruang memulakan usaha untuk jalur keturunannya.”

Dia terus memilih untuk membisu sambil memintal bucu selendang. Fikirannya buntu. Adam jemu lalu memilih untuk pergi tanpa sepatah kata, tetapi degar pintu yang ditinggalkan menunjukkan kesabaran suami itu meledak. Adam tidak pernah begitu.

Dipetik daripada cerpen “Tanggar Amanat”
oleh Amaruszati Noor Rahim
dalam Antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Mengapakah Hawa keberatan untuk mengikut suaminya pulang ke Malaysia?

[2 markah]

- (ii) “Lebih baik Hawa berhijrah, mulakan sesuatu yang baru dan lebih mencabar. Hawa akan lebih memahami betapa sukarnya Ahmad Abdullah merebut ruang memulakan usaha untuk jalur keturunannya.”

Berdasarkan petikan dialog di atas, pada pengetahuan anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh Hawa untuk memulakan perniagaan di tempat yang baharu.

Nyatakan **dua** usaha tersebut.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Hawa yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** perwatakan Hawa yang lain daripada keseluruhan cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tuanku Nakhoda Tua *merasa takjub* melihatkan demikian banyaknya wang dinar emas di dalam geliung itu. “Panggilkan Awang Sulung ke mari!” perintah baginda kepada jurubatu sementara jurumudi mulai menggeletar ketakutan.

Awang Sulung enggan menghadap, kerana katanya beliau anak sakai yang tidak layak datang menghadap.

Mendengar jawapan itu Tuanku Nakhoda Tua bertanya kepada puterinya, “Wahai anakanda, nampaknya Awang Sulung telah berkecil hati kepada ayahanda, sedangkan dulu ayahanda tidak tahu tentang kelebihanannya! Pergilah anakanda memanggilnya pula.”

“Anakanda tidak mahu, ayahanda. Adakah patut enau mencari sigai, lesung mendapatkan antan? Pergilah ayahanda memanggilnya sendiri.”

Mahu tak mahu terpaksa Tuanku Nakhoda Tua berangkat sendiri ke jubungan seraya bertitah, “Wahai anakanda, janganlah berkecil hati dengan perbuatan ayahanda, kerana ayahanda ini sudah tua: penglihatan sudah kabur, pendengaran pun sudah kurang, haram ayahanda tidak mengetahui bahawa rupa-rupanya anakandalah yang telah memelihara geliung ini seisi-isinya!”

“Ampun Tuanku, titah Tuanku itu adalah benar, tetapi patik adalah menumpang teduh di dalam geliung ini saja, patik telah berhutang dan patik belum pun melunaskannya lagi.”

Dipetik daripada
‘Pelayaran Yang Penuh Peristiwa’
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berikan maksud *merasa takjub* [2 markah]

(ii) Awang Sulung enggan menghadap Tuanku Nakhoda Tua walaupun diperintahkan berbuat demikian.

Nyatakan **dua** sebab keengganan Awang Sulung. [3 markah]

(iii) “Anakanda tidak mahu, ayahanda. Adakah patut enau mencari sigai, lesung mendapatkan antan?”

Petikan dialog di atas menjelaskan bahawa Tuan Puteri enggan memanggil Awang Sulung kerana beranggapan tidak wajar sebagai seorang wanita pergi berjumpa dengan seorang lelaki.

Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah Tuan Puteri berkata sedemikian?

[3 markah

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DI PERPUSTAKAAN

Melangkah ke ruangmu
 Satu pertukaran yang kontras
 Dari kehangatan merata
 Ke kedinginan yang menerpa
 Terlalu hening di sini
 Gua pendeta bersemadi
 Di puncak sepi
 Di sana sini
 Kepala-kepala *runduk meneliti*
 Mata dan fikir bersebat

Maju ke ruang buku
 Terlalu kerdil aku di sini
 Terapung di laut ilmu
 Tercurah berzaman
 Dalam tak terselam
 Betapapun kulayari
 Bahtera ilmu di sini
 Tak terteroka
 Yang akan kucatat
 Hanya sedikit dari tinta
 Yang akan kupetik
 Hanya sebiji dari mutiara
 Engkau adalah pusaka moyang
 Gedung peradaban insan
 Terhimpun berzaman

Bersemadi di sini
 Aku adalah pelayar yang dahaga
 Di dada samudera
 Tak berpantai
 Betapapun kuteguk darinya
 Dahaga tak pernah langcai

SHAFIEE ABU BAKAR
 Antologi *Harga Remaja*,
 Dewan Bahasa dan Pustaka.

- i Berikan maksud *runduk meneliti*. [2 markah]
- ii Masyarakat kini lebih gemar melayari Internet berbanding dengan mengunjungi perpustakaan untuk mendapatkan sumber ilmu.
Pada pengetahuan anda, apakah kelebihan-kelebihan melayari Internet sebagai sumber rujukan untuk mendapatkan ilmu? [3 markah]
- iii Jelaskan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu ayat** bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- i) bekas
- ii) berkas
- iii) menyerap
- iv) mencerap
- v) pembalasan
- vi) pembilasan

[6 markah]

- (b) Nyatakan jenis bagi ayat-ayat perintah di bawah sama ada ayat suruhan, ayat larangan, ayat permintaan atau ayat silaan.

- i. Ambilkan saya beg yang berwarna hitam di bilik gerakan itu.
- ii. Dijemput semua guru menikmati kek berperisa coklat yang saya buat ini.
- iii. Tolong tutup semua suis lampu sebelum meninggalkan bilik mesyuarat ini.
- iv. Jangan berlindung di bawah pokok semasa hujan dan kilat sabung-menyabung.
- v. Kamu tidak dibenarkan menghampiri loji jana kuasa elektrik bervoltan tinggi itu.
- vi. Pastikan segala maklumat yang diisi dalam borang permohonan biasiswa itu benar dan telah ditandatangani oleh ibu bapa.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pengguna losen kecantikan mengesyorkan kepada penerbitan majalah itu supaya menyiarkan artikel tentang manfaat penggunaan bahan komestik tersebut terhadap individu.
- (ii) Penghasilan produk seni kraf tangan yang berasaskan bahan semula jadi memberi pendapatan sampingan kepada penduduk kampung terutamanya kepada surirumah dan ibu tunggal yang menceburi industri tersebut.
- (iii) Golongan belia haruslah mempunyai penahanan diri yang kental dan pemikiran yang kreatif serta inovatif dalam menghadapi kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi terkini.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- i. Masyarakat sepatutnya memainkan akan peranan dalam usaha untuk memastikan persekitaran yang bersih dan tidak membiarkan sesuatu kawasan menjadi tempat penularan nyamuk *Aedes*.
- ii. Murid yang cemerlang di dalam bidang akademik dan kokurikulum mempunyai peluang yang lebih cerah untuk menduduki universiti berbanding dengan murid yang hanya cemerlang dalam akademik semata-mata.
- iii. Individu yang memiliki akhlak mulia dan berhemat, biasanya akan masyarakat setempat sanjung tinggi walaupun di mana-mana sahaja dia berada.

[6 markah]

(e) *Baca peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan peribahasa lain yang sama atau hampir sama maksudnya dengan peribahasa tersebut.*

- (i) Majlis persandingan itu menjadi tumpuan tetamu kerana kedua-dua mempelai sama cantik dan menawan **bagai pinang dibelah dua**.
- (ii) Perkelahian antara adik-beradik dalam keluarga tersebut yang berlarutan sekian lama, akhirnya terlerai apabila mereka kembali berbaik-baik semula, bak kata pepatah Melayu **carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga**
- (iii) Setelah mendapat pekerjaan yang baik di bandar, dia langsung tidak mahu menziarahi ibu angkatnya di kampung yang pernah memeliharanya dengan penuh kasih sayang sejak kecil lagi. Sikap sedemikian samalah seperti kata pepatah Melayu **kacang lupakan kulit**.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel- novel yang berikut:

- (i) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kader
- (ii) Interlok karya SN Abdullah Hussain
- (iii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (iv) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (v) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (vi) Papa (Akhirnya Kau Tewas Jua) karya Deana Yusuf
- (vii) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (viii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah

- (a) Nilai tanggungjawab banyak ditonjolkan dalam sesebuah novel.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** contoh yang dapat membuktikan pernyataan di atas.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu peristiwa yang menggambarkan kepentingan semangat kerjasama** yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT